

Sekolah Rimba bantu murid Orang Asli ke sekolah, ibu bapa makin terbuka minda pada pelajaran
 BH 11/3/24 mls 19.
 Oleh Saadiah Ismail
 Saadiah_ismail@bh.com.my



Sebahagian kanak-kanak Orang Asli Semaq Beri yang mengikuti sesi pembelajaran di Sekolah Rimba seliaan UMT.

Upah RM5 tarik minat murid ke sekolah

“Apa yang menjentik hati dan akal saya untuk menubuhkan Sekolah Rimba, apabila Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT) menyebel, hanya kira-kira 30 peratus saja murid yang datang ke sekolah.”

“Malah ada kalanya terpaksa memberi murid RM5 seminggu supaya mereka kekal berada di sekolah sehingga habis waktu belajar,” itu kata Timbalan Pengarah Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Dr Khatijah Omar ketika ditanya mengenai idea penubuhan Sekolah Rimba di Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu khusus untuk komuniti Orang Asli Semaq Beri.

Mengakui mendidik masyarakat Orang Asli dengan memastikan mereka sekurang-kurangnya dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) bukanlah suatu yang mudah. Hal ini, memandangkan kehidupan mereka lebih terarah kepada kelangsungan hidup sehari-harian.

Bagaimanapun kesukaran itu tidak menjadi halangan kepada Khatijah dan pasukannya iaitu seramai sembilan orang pensyarah merangkap penyelidik, menubuhkan Sekolah Rimba yang mula beroperasi secara rasmi pada Jun 2022.

“Saya bimbang dengan nasib mereka, dan atas rasa itu kami menubuhkan Sekolah Rimba selepas melihat sekolah konsep begini di Indonesia dan kemudian berjaya mendapatkan geran daripada Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia.

“Usaha ini juga disokong UMT yang mengambil inisiatif untuk memastikan kelompok ini tidak keciciran dalam mendapatkan pendidikan selayaknya,” katanya.

Khatijah berkata, walaupun kampung yang mempunyai kira-kira 100 buah rumah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dewan serba guna, koperasi, kawasan perumahan tersusun, klinik kesihatan, tadika dan sekolah kebangsaan, namun majoriti penduduknya iaitu suku kaum Orang Asli Semaq Beri kurang menunjukkan minat untuk belajar.

Malah katanya, berdasarkan dapatan kajian sebelum ini, Semaq Beri kaum yang paling corot dari segi sukar untuk berubah dan terlalu bergantung kepada alam semula jadi untuk kelangsungan hidup.

Jelasnya, Sekolah Rimba itu sudah melepasi fasa pertama dan kini menunggu untuk memulakan fasa dua pada pertengahan Mac ini



Fasilitator membantu kanak-kanak Orang Asli Semaq Beri ketika sesi pembelajaran di Sekolah Rimba.

memandangkan kerja pembaikan sedang dilakukan membabitkan bumbung sekolah yang diterbangkan angin akibat musim hujan.

Berlantai buluh

Sebelum memiliki bangunan sendiri, Sekolah Rimba ini tidak sempurna dan terpaksa menggunakan lantai buluh akibat kekangan wang, namun atas sumbangan seorang individu sebanyak RM20,000, sekolah itu berjaya dibina dengan lebih baik, selain bantuan dana daripada UMT sendiri.

“Di Sekolah Rimba, pembelajarannya berkonsepkan santai namun dilengkapi dengan 6M iaitu menulis, membaca, mengira, menyanyi, makan, muzik bagi mengelakkan murid bosan selain perlu diberikan insentif untuk menarik minat mereka.

“Kami merangka sebanyak 20 slot pembelajaran dengan di setiap

slot, pensyarah sambil dibantu fasilitator mengambil masa kira-kira dua jam.

“Setiap kali waktu pembelajaran iaitu dua minggu sekali, kami memperuntukkan sekurang-kurangnya RM300 untuk membeli peralatan dan makanan sebagai usaha untuk menarik minat murid ini datang ke sekolah,” katanya.

Kongsi Khatijah, ada kala tenaga pengajar perlu mengeluarkan dana sendiri kerana semua yang dilakukan ini adalah percuma dan tidak dibayar oleh sesiapa.

Setakat ini Sekolah Rimba mempunyai kira-kira 40 murid berusia tujuh hingga 12 tahun, namun kelas mereka digabungkan memandangkan masalah literasi yang dihadapi adalah sama.

“Ketika awal pengenalan kepada Sekolah Rimba ini, agak sukar untuk mendapatkan kerjasama daripada ibu bapa, namun kini semakin

“Usaha ini juga disokong UMT yang mengambil inisiatif memastikan kelompok ini tidak keciciran dalam mendapatkan pendidikan selayaknya.”

Khatijah Omar,
 Timbalan Pengarah
 Institut Biodiversiti
 Tropika dan
 Pembangunan
 Lestari, UMT



Abidin (UniSZA) sebagai penyantik semangat kepada komuniti Semaq Beri, namun sayang hanya bertahan satu semester saja.

“Namun hari ini, kita boleh melihat walaupun kaum Semaq Beri ini susah untuk terima kemajuan, namun kini mereka dilihat secara perlahan-lahan boleh terima perubahan,” katanya.

Bukan yang pertama

Khatijah berkata, sepanjang tertubuhnya Sekolah Rimba ini, jerit perih pasukannya disifatkan terbalas apabila banyak kenangan manis dapat dilihat, antaranya masyarakat itu semakin mesra dengan orang luar dan tidak melarikan diri.

Malah katanya, paling baik sudah ada kesedaran terhadap pendidikan yang semakin baik kerana mereka sendiri yang meminta diadakan kelas dengan lebih kerap. Malah murid juga semakin rajin dan membantu membersihkan kawasan sekolah sebelum kelas dimulakan berbanding sebelumnya.

“Selain itu, kami juga menerima anugerah apabila Sekolah Rimba diangkat sebagai projek berimpak tinggi dan Anugerah Khas Naib Canselor, selain turut menerima kunjungan daripada Universitas Ibnu Sina, Batam dan Universitas Pamulang, Banten, Indonesia serta pelajar dari Perancis.

“Saya berharap Sekolah Rimba ini akan dilihat sebagai satu perkara yang positif dan pihak berwajib dapat mengembangkannya ke kampung Orang Asli yang lain.

“Walaupun sekolah seperti ini bukan yang pertama di negara ini, tetapi perubahan minda mereka terhadap kepentingan pendidikan perlu disambut,” katanya.

lama semakin baik tahap kehadiran ke sekolah.

“Kini kehadiran melebihi 70 peratus, ibu bapa beri kerjasama selain ingin kelas diadakan lebih lama selepas mula mendapat perhatian media,” katanya.

Jelasnya lagi, walaupun perubahan mereka semakin positif, namun majoriti murid Orang Asli Semaq Beri enggan melanjutkan pelajaran hingga ke sekolah menengah berikutan sekolah berada di luar kampung mereka.

Katanya, berdasarkan kepada data, tidak sampai separuh daripada mereka akan menyambung pelajaran dan ia akan semakin berkurangan dan akhirnya ada seorang saja yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Pelajar itu dibantu sebaiknya. Walaupun keputusannya kurang memberangsangkan, namun dia diterima di Universiti Sultan Zainal